From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Friday, 1 July, 2022 3:55:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bersatu Hati Bangunkan Ekonomi Anak Bangsa

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 JULAI 2022 / 1 ZULHIJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

BERSATU HATI BANGUNKAN EKONOMI ANAK BANGSA



UUM ONLINE: Sik - Masyarakat di daerah Sik khususnya diseru agar bersatu hati dan berganding bahu membangunkan ekonomi demi anak bangsa dan negara.

Berucap pada Sembang Viral Sempena Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Kedah, Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, Hari Koperasi menjadi wadah perjuangan bangsa untuk bangkit seperti bangsa lain dalam membangunkan ekonomi diri, kampung dan juga bangsa.

Menurutnya, jangan pernah menagih simpati untuk dibantu tetapi bangkit dan berusaha untuk mengubah nasib diri.

“Anak-anak Sik keluarlah menjadi sebahagian cerita kejayaan kebangkitan pada hari ini. Bangunlah anak bangsa menjadi anak bangsa yang bermaruah.

“Jadikan koperasi yang ditubuhkan ini sebagai platform untuk membangunkan ekonomi masyarakat setempat. Sekiranya kita mempunyai sebidang tanah mahupun aset, ia boleh dijadikan sebagai asas membangunkan ekonomi di kampung dan masyarakat,” katanya di Dewan Al-Hana, semalam.

Haim Hilman berkata, koperasi merupakan satu manifestasi baru untuk anak-anak muda di Sik dan Kedah bersama-sama UUM membangunkan ekonomi negeri.

Menurutnya, UUM akan turun di setiap kawasan bagi menawarkan sebarang bentuk kepakaran atau program bagi tujuan pembangunan anak-anak di daerah Sik khususnya.

Katanya, peranan UUM adalah untuk memastikan semua orang merasai universiti ini adalah untuk semua dan tidak eksklusif untuk sesetengah pihak sahaja.

“Dalam waktu tersisa ini, jika kita tidak mampu untuk berniaga, maka kita bantu dan sokong untuk melihat anak-anak muda dan orang kampung keluar dari kepompong kemiskinan.

“Jangan sesekali pernah sesal jika kita sudah lama hidup dalam kesusahan kerana semuanya sudah tertulis oleh Allah dan selagi kita berusaha dan mencari redha-Nya, maka kita sebenarnya telah berjaya. Jadi, jangan hanya semata-mata terpedaya pada kebendaan.

“Ayuh kita bersama-sama mengangkat agenda pembangunan negara khususnya dalam bidang pendidikan. Saya yakin UUM tidak akan pernah lelah untuk menyantuni semua anak bangsa di kampung-kampung dan juga desa demi melihat anak muda pemimpin masa hadapan bangun dan berdiri megah,” kata Haim Hilman.

Hari Koperasi yang berlangsung selama dua hari mulai 29 Jun itu telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.